



MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/HQ/900-3/24(2)

TARIKH: 30 JULAI 2012

PERKARA : PELAKSANAAN LATIHAN BAGI PROGRAM DIPLOMA MULAI JULAI 2012 DI INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN (ILP)	
DARIPADA : TKP	SALINAN : 1) Semua Pengarah Bahagian 2) Semua KPP Bahagian
KEPADA : 1) Semua Pengarah ILJTM	

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa jabatan bersetuju untuk memberi kelulusan kepada mana-mana ILP untuk menjalankan program Diploma Kemahiran mulai Julai 2012. Persetujuan ini dibuat bersesuaian dengan perancangan Transformasi Latihan Jabatan Tenaga Manusia dimana semua ILP hanya akan menjalankan program latihan kemahiran yang ditauliah oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran sahaja.

3. Sehubungan dengan itu, semua kumpulan pelajar bagi program Diploma bermula pada kemasukan Julai 2012 hendaklah didaftarkan di dalam Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia. Walaubagaimanapun, kumpulan pelajar ini masih dinilai menggunakan kedua-dua kaedah penilaian iaitu Sistem Penilaian Persijilan Kemahiran Malaysia dan Sistem Penilaian Berasaskan CGPA ILJTM (SPC). Penggunaan SPC dikekalkan bagi membantu pelajar keluaran ILJTM memohon pekerjaan atau menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan sila hubungi Pn Azlina Binti Mohamad Shafie di talian 03-88865585. Kerjasama dan perhatian tuan berkaitan hal ini amatlah dihargai.

Sekian , terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Berinovatif Penggerak Transformasi'

(SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI)

b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia.